



## Penilaian Formatif



Adakah kamu memiliki ciri-ciri kerajinan untuk memajukan negara?  
Tandakan (✓) pada pernyataan yang berkaitan dengan kamu.



| Bil. | Pernyataan                                                                                                   | Ya (✓) |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| 1.   | Saya sanggup berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam bidang yang saya ceburi demi negara.                   |        |
| 2.   | Saya tidak mudah berputus asa untuk terus memberikan sumbangan kepada negara.                                |        |
| 3.   | Saya berasa gembira apabila sikap rajin saya dapat meningkatkan imej negara.                                 |        |
| 4.   | Saya akan berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat hidup agar dapat membantu memajukan negara.          |        |
| 5.   | Saya bersemangat untuk memberikan sumbangan kepada negara.                                                   |        |
| 6.   | Saya sanggup mengorbankan masa dan tenaga mempelajari bidang yang baharu demi negara.                        |        |
| 7.   | Saya tabah menghadapi rintangan untuk menyahut seruan negara dalam bidang yang saya ceburi.                  |        |
| 8.   | Saya akan memastikan usaha saya untuk memajukan negara sentiasa berterusan dan tidak mengalah begitu sahaja. |        |
| 9.   | Saya berasa sedih jika negara menjadi mundur disebabkan sikap saya yang tidak sanggup berusaha.              |        |
| 10.  | Saya sanggup bersaing dengan orang lain untuk memajukan negara.                                              |        |

### Skor

Jika jumlah skor (✓) antara:

6 hingga 10: Tahniat, sikap kerajinan kamu boleh dicontoh!

0 hingga 5 : Tingkatkan sikap kerajinan kamu. Kamu pasti boleh!

Saya berjanji akan mengamalkan sikap rajin demi kemajuan diri dan negara dengan cara \_\_\_\_\_

